



**UNIVERSITI MALAYSIA PAHANG
AL-SULTAN ABDULLAH**

JABATAN HAL EHWAL PELAJAR DAN ALUMNI

PERINGATAN MESRA: PEMATUHAN KEPADA SURAT EDARAN SURUHANJAYA PERKHIDMATAN AWAM (SPA) BERTARIKH 7 APRIL 2023, SEMUA PEGAWAI DAN STAF DIINGATKAN AGAR TIDAK MENGGUNAKAN PANGGILAN “SAYANG” ATAU “DEAR” KEPADA RAKAN SEKERJA

Assalamualaikum dan Salam Sejahtera,

Dengan hormatnya perkara di atas adalah dirujuk.

⚠️ AWAS: JANGAN PANGGIL “SAYANG” ATAU “DEAR” DI TEMPAT KERJA ⚠️

Menurut surat edaran yang dikeluarkan oleh Suruhanjaya Perkhidmatan Awam (SPA) bertarikh 7 April 2023, perbuatan curang, menjalin hubungan sulit serta memanggil rakan sekerja dengan gelaran seperti “sayang” atau “dear” adalah dikategorikan sebagai salah satu bentuk gangguan dan kesalahan tatatertib dalam perkhidmatan awam.

Sebarang penggunaan perkataan atau ungkapan berbentuk panggilan mesra seperti “sayang” dan “dear” oleh mana-mana pegawai awam yang menyebabkan ketidakselesaan, gangguan emosi atau menjejaskan maruah individu lain boleh diklasifikasikan sebagai kesalahan gangguan seksual secara lisan atau audio.

Kesalahan ini merupakan satu perkara serius dan boleh dikenakan tindakan tatatertib mengikut peruntukan Akta Badan-badan Berkanun (Tatatertib dan Surcaj) 2000 [Akta 605], sekiranya disabitkan kesalahan.

Sehubungan itu, semua warga kerja adalah diingatkan supaya menjaga batas profesionalisme, mengamalkan komunikasi yang beretika serta menghormati rakan sekerja bagi mewujudkan persekitaran kerja yang selamat, harmoni dan berintegriti.

Sekian, terima kasih.

Dikeluarkan oleh:

**Pejabat Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwat Pelajar & Alumni)
Jabatan Hal Ehwat Pelajar & Alumni
Universiti Malaysia Pahang Al-Sultan Abdullah**

Tarikh: 5 Februari 2026



Tahukah anda?

Panggil rakan sekerja
“Sayang”, “Dear” dikategori
sebagai gangguan seksual..

* Kesalahan ini boleh dikenakan tindakan tatatertib mengikut
Akta Badan-badan Berkanun (Tatatertib da Surcaj) 2000 [Akta 605]

AWAS, JANGAN PANGGIL “SAYANG” ATAU “DEAR”



Kejuruteraan • Teknologi • Kreativiti

Study@UMPSA